



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**JURUAUDIT KANAN (B.3)  
JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. JURUAUDIT KANAN  
JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Mempunyai kelulusan *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* atau *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

**ATAU**

- b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi / Kewangan / Pengurusan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.
2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Audit sebagai Juruaudit atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan bidang perakaunan dan / atau pengauditan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

3. Bagi yang tidak mempunyai kelulusan di para 1. a) atau 1. b), hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan perakaunan dan / atau pengauditan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

4. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
- i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
  - ii. Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.



2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Merancang dan mengelola kerja-kerja pengauditan di bahagiannya;
2. Mengawas dan memimpin Juruaudit-Juruaudit di bawahnya;
3. Mencadang dan mengulangkaji program pengauditan;
4. Melulus pertanyaan-pertanyaan / peringatan-peringatan audit;
5. Meneliti laporan-laporan audit sebelum diluluskan oleh Penolong Juruaudit Agung; dan
6. Menyediakan laporan pengauditan.